

03/11/2003

IK terus rali menaik, Papan Kedua lalui pembedulan

Fred Tam

CADANGAN kami supaya pelabur menjual ketika rali saham di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mungkin sesuatu yang betul, apabila Indeks

Papan Kedua (SBI) menguji sasaran 147 mata, tetapi ditutup Jumaat lalu pada 144.65, iaitu di bawah paras sasarannya.

Walaupun SBI mencatatkan paras tertinggi baru bagi tempoh 18 bulan sejak

18 April 2002, ia mengalami halangan utama pada paras 147 mata.

Lonjakan itu, serta urus niaga berjumlah 390.6 juta saham pada Jumaat, iaitu jumlah tertinggi pernah dicatatkannya sejak papan itu diperkenalkan

pada 1988, adalah petunjuk mengenai kemungkinan kemuncak belian.

Ini bermakna, akan berlakunya satu tempoh pembedulan.

Sementara itu, penanda aras BSKL, iaitu Indeks Komposit (IK) mengakhiri

minggu lalu pada 817.12 mata, iaitu paras tertinggi baru dalam tempoh 38-

minggu.

Paras penutup yang tinggi itu adalah 'hadiah selamat tinggal' paling sesuai untuk Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara Jumaat lalu.

Ia adalah sejajar dengan jangkaan dalam risalah kami pada Jumaat mengenai penutupan IK yang tinggi.

Pada 817.12 mata, IK mencatatkan paras tertingginya bagi tempoh 38-bulan

sejak 18 Ogos 2000 dan secara jelas sudah melepasi paras tertinggi 18-bulan, 816.94 mata yang dicatatkan pada 23 April 2002. Keadaan yang sama juga dinikmati oleh Indeks Emas, yang mana pada paras 202.43 mata, adalah juga paras tertingginya bagi tempoh 38-bulan.

Apabila sesuatu indeks atau saham boleh melepasi paras tertinggi yang lama, ia menunjukkan bahawa, sama ada pembeli sudah menyerap belian sebelumnya pada paras tertinggi lama atau penjual berhenti daripada menjual berikutan momentum belian yang kukuh.

Hasilnya, satu ruang terbentuk, iaitu di atas sedikit daripada paras tertinggi lama, 816.94 mata, yang mudah dicapai oleh pembeli baru. Dalam kata lain, apabila paras tertinggi lama boleh dilepasi, ia menunjukkan kekukuhan pasaran, dan indeks itu mempunyai peluang cerah untuk membuat paras tertinggi lebih tinggi.

Kami meletakkan sasaran IK seterusnya pada antara 854-857 mata.

Bagaimanapun oleh kerana paras tertinggi baru itu diperolehi dengan lebih

banyak saham rugi daripada untung, iaitu 526 kepada 292, ia menunjukkan bahawa pasaran yang lebih meluas adalah tidak kukuh.

Kami menjangkakan saham berkaitan indeks dan saham Papan Utama untuk rali minggu ini, tetapi saham Papan Kedua akan mengalami pembedulan.

Hari ini, kami menjangkakan IK meneruskan rali kerana Perdana Menteri baru Malaysia, secara meluasnya, dijangka meneruskan dasar yang sudah terbukti berjaya di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Abdullah mungkin mempunyai pendekatan lebih lembut dalam menangani

cabaran masa depan, tetapi beliau mempunyai kemampuan yang sama sebagaimana Dr Mahathir.

Kami tidak akan terkejut jika IK meneruskan ralnya kerana carta pada Jumaat lalu menunjukkan bahawa saham papan utama kekal kukuh.

Pembetulan mungkin berlaku dalam saham murah dan Papan Kedua yang sudah mengalami lebihan belian.

Jangkaan kami betul apabila saham seperti Kai Peng, Emivest dan Kimble kembali menurun. Kai Peng menerima pertanyaan daripada BSKL mengenai aktiviti urus niaga luar biasa sahamnya, tetapi sebagaimana biasa menafikan mengetahui apa-apa mengenai kenaikan tiba-tibanya.

Hari ini kami membuat tumpuan kepada saham berkaitan indeks papan utama, seperti BAT, CIMB, Maybank, RPB, Scomi, UMW, UMW-WA, YTL, YTLCE-WA dan Commerz.

Scomi adalah satu-satunya pengecualian kerana ia adalah kaunter papan kedua.

Saham teknologi dijangkakan kekal stabil, manakala saham Mesdaq sedang bersedia untuk satu lagi rali.

- Penulis adalah ahli penuh Society of Technical Analysts, UK.